

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

jumlah besar dan purata harian bilangan penumpang MRT 1 hingga sekarang bagi laluan dari stesen-stesen Sungai Buloh ke Bukit Bintang dan laluan dari Bukit Bintang ke Kajang masing-masing sejak pelancaran perkhidmatan hingga sekarang. Nyatakan jika terdapat perbezaan jumlah penumpang dari jumlah sasaran bagi kedua-dua laluan tersebut dan apakah sebabnya.

SOALAN NO.24

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas pelancaran sepenuhnya perkhidmatan MRT SBK, jumlah keseluruhan pengguna di sepanjang laluan Sungai Buloh hingga Bukit Bintang (berdasarkan bilangan hari kalendar) ialah 16,700,000 orang, dan purata pengguna sehari adalah 74,000 orang di antara bulan Julai 2017 dan Februari 2018. Jumlah keseluruhan pengguna MRT aliran SBK di sepanjang laluan Bukit Bintang hingga Kajang pula ialah 13,900,00 orang dan purata pengguna sehari ialah 61,500 orang. Laluan Sungai Buloh ke Bukit Bintang meliputi 15 buah stesen manakala Bukit Bintang ke Kajang pula meliputi 16 stesen.

Pada waktu kini, kadar pencapaian penggunaan MRT sejajar dengan pencapaian keseluruhan penggunaan pengangkutan awam darat GKL/KV bagi tahun 2017, yang telah melonjak kepada lebih daripada 1.2 juta penumpang sehari. Peningkatan ini dijangka akan berterusan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.